

SIGHAH PENJELASAN HUKUM
MESYUARAT LEMBAGA FATWA NEGERI SARAWAK KALI KE-23

1. GARIS PANDUAN PENAMAAN (BIN/ BINTI) ANAK TAK SAH TARAF, ANAK ANGKAT DAN SAUDARA KITA

Mesyuarat sebulat suara menerima garis panduan seperti berikut:

GARIS PANDUAN PENAMAAN (BIN/ BINTI) ANAK TAK SAH TARAF,
ANAK ANGKAT DAN SAUDARA KITA

1. Garis panduan ini bolehlah dinamakan sebagai Garis Panduan Penamaan (Bin/ Binti) Anak Tak Sah Taraf, Anak Angkat Dan Saudara Kita.

2. Tafsiran

Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“***tak sah taraf***” berhubungan dengan seseorang anak, ertinya dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan *syubhah*¹.

“***persetubuhan syubhah***” ertinya persetubuhan yang dilakukan di atas anggapan sah akad nikah tetapi sebenarnya akad itu tidak sah (*fasid*) atau persetubuhan yang berlaku secara tersilap dan termasuklah mana-mana persetubuhan yang tidak dihukum *Had* dalam Islam².

“***nasab***” ertinya keturunan yang berasaskan pertalian darah yang sah³.

“***kanak-kanak***” ertinya seseorang yang belum berkahwin di bawah umur lapan belas tahun⁴.

¹ Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak, 2001, (Bab 43) seksyen 2(1).

² Ibid

³ Ibid

⁴ Law of Sarawak, Chapter A100, Adoption (Amendment) Ordinance, 2002.

PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK

“*anak pungut*” ertinya kanak-kanak yang dijumpai terbiar (terlantar) di jalan, yang tidak diketahui bapa dan ibunya.⁵ Ertinya anak orang lain yang dipelihara dari kecil⁶.

“*maula*” ertinya pemilik budak⁷. Ertinya seorang hamba sahaya yang sudah dimerdekakan atau seseorang yang telah dijadikan anak angkat⁸.

“*saudara baru (muallaf)/ saudara kita*” ertinya seseorang yang baru memeluk Islam⁹.

3. Penamaan Anak Tak Sah Taraf

3.1 Anak tak sah taraf yang lahir hendaklah di ‘bin’ atau di ‘binti’ kepada Abdullah yang bermaksud ‘hamba Allah’.

3.2 Jika lelaki yang menyebabkan kelahiran anak tersebut bernama Abdullah, anak tersebut hendaklah di ‘bin’ atau di ‘binti’ kepada nama “*al-Asma al-Husna*” yang lain dengan menyertakan perkataan Abdul dipangkal seperti Abdul Rahman atau Abdul Rahim. **(Rujuk lampiran B)**

3.3 Penamaan yang **DIBENARKAN** adalah seperti berikut:

Bil	CONTOH PENAMAAN	
	Lelaki	Perempuan
1	Ahmad Bin <i>Abdullah</i>	Azizah Binti <i>Abdullah</i>
2	Ahmad Bin <i>Abdul Rahman</i> (Menggunakan nama-nama “ <i>al-Asma al-Husna</i> ” dengan	Azizah Binti <i>Abdul Rahman</i> (Menggunakan nama-nama “ <i>al-Asma al-Husna</i> ” dengan

⁵ Kitab Lisan Arab, Ibnu Manzur.

⁶ Kamus dewan, edisi ke-4

⁷ Kamus Istilah Fiqh (1997), M. Abdul Mujieab, Mabruhi Tholhah, Syafi'ah Am, Advance Publication, Selangor hlm 204.

⁸ Al Quran. Terjemahan Al-Quran Al-Karim, Al-Hidayah House Of Quran Sdn Bhd, 2010, Selangor.

⁹ Garis Panduan Penamaan Saudara Baru, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1998.

PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK

	berpangkalkan Abdul.)	berpangkalkan Abdul.)
--	-----------------------	-----------------------

4. Penamaan Anak Angkat

4.1 Pengangkatan Anak Sah Taraf Islam

4.1.1 Anak sah taraf yang diangkat oleh mana-mana orang hendaklah di 'bin' atau di 'binti' kepada bapa kandungnya sendiri.

4.1.2 Tiada mana-mana nama bapa angkat atau penjaga yang dibenarkan untuk dikait atau disertakan di dalam mem 'bin' atau mem 'binti' anak yang sah taraf.

4.1.3 Berikut adalah cara penamaan bagi pengangkatan anak sah taraf seperti contoh di bawah:

Perkara	Nama Lelaki	Nama Perempuan
Nama kanak-kanak :	Faiz	Tasnim
Nama bapa kandung :	Arif	Arif
Nama bapa angkat :	Amir	Amir

Penamaan yang **DIBENARKAN** adalah seperti berikut:

Bil	CONTOH PENAMAAN	
	Lelaki	Perempuan
1	Faiz Bin Arif	Tasnim Binti Arif

4.2 Pengangkatan Anak Bukan Islam

4.2.1 Anak bukan Islam yang diangkat oleh mana-mana orang Islam hendaklah di 'bin' dan di 'binti' kepada bapa kandungnya sendiri.

PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK

4.2.2 Berikut adalah cara penamaan bagi pengangkatan anak bukan Islam seperti contoh di bawah;

Perkara	Nama
Nama kanak-kanak	: Tan San Tai
Nama bapa kandung	: Tan Lee Sin
Nama keluarga/ keturunan	: Tan
Nama Islam (kanak-kanak)	: Ahmad

Penamaan yang **DIBENARKAN** adalah seperti berikut:

CONTOH PENAMAAN	
Nama Asal	Nama Islam
Tan San Tai	Ahmad Tan San Tai Bin Tan Lee Sin
	Ahmad San Tai Bin Tan Lee Sin
	Ahmad Tan Bin Tan Lee Sin
	Ahmad Bin Tan Lee Sin
	Ahmad Bin Lee Sin
Ravi a/l Maniam	Ravi Bin Maniam
	Ahmad Ravi Bin Maniam

4.2.3 Walau bagaimanapun, jika nama asal orang tersebut bermaksud nama-nama tuhan atau dewa agama asalnya atau nama yang bermaksud tidak baik, hendaklah menukar namanya kepada nama yang bermaksud baik dalam Islam.

Penamaan yang **DIBENARKAN** adalah seperti berikut:

CONTOH PENAMAAN	
Nama Asal	Nama Islam
* Siva a/l Maniam	Ahmad Bin Maniam

*Rujuk lampiran C (Senarai Nama-Nama Hindu Berunsur Ketuhanan).

4.3 Pengangkatan Anak Tak Sah Taraf

4.3.1 Anak tak sah taraf yang diangkat oleh mana-mana orang hendaklah di 'bin' atau di 'binti' kepada Abdullah yang bermaksud 'hamba Allah'.

4.3.2 Jika lelaki yang mengangkat anak tersebut bernama Abdullah, anak tersebut hendaklah di 'bin' atau di 'binti' kepada nama "*al-Asma al-Husna*" yang lain dengan menyertakan perkataan Abdul dipangkal seperti Abdul Rahman atau Abdul Rahim. **(Rujuk lampiran B)**

4.3.3 Berikut adalah cara penamaan bagi pengangkatan anak tak sah taraf seperti contoh di bawah:

Perkara	Nama Lelaki	Nama Perempuan
Nama kanak-kanak	: Ahmad	Azizah
Nama bapa angkat	: Ali	Ali

Penamaan yang **DIBENARKAN** adalah seperti berikut:

BIL	CONTOH PENAMAAN	
	Lelaki	Perempuan
1	Ahmad Bin Abdullah	Azizah Binti Abdullah

4.4 Anak Pungut

4.4.1 Anak pungut yang dijumpai dan tidak diketahui ibu atau bapanya adalah sama sebagaimana cara penamaan anak tak sah taraf, hendaklah di 'bin' atau di 'binti' kan kepada Abdullah yang bermaksud 'hamba Allah'.

4.4.2 Jika lelaki yang menjumpai dan mengangkat anak tersebut bernama Abdullah, anak tersebut hendaklah di 'bin' atau di 'binti' kepada nama

PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK

“*al-Asma al-Husna*” yang lain dengan menyertakan perkataan Abdul dipangkal seperti Abdul Rahman atau Abdul Rahim.

4.4.3 Contoh penamaan anak pungut adalah sama seperti cara penamaan anak tak sah taraf di perkara 4.3.3 di atas.

5. Penggunaan “*Maula*”

Penggunaan “*maula*” bagi menganti ‘bin’ atau ‘binti’ dalam penamaan anak angkat adalah tidak dibenarkan penggunaannya bagi mengelakkan kekeliruan dan menjaga kemaslahatan ummah.

6. Penamaan Saudara Kita

- i. Mana-mana orang yang memeluk Islam bolehlah sama ada mengekal atau menukar nama atau menggunakan kedua-dua nama asal dan nama baru dan hendaklah di ‘bin’ atau di ‘binti’ kepada bapa kandungnya atau kepada ‘Abdullah’ atau “*al-Asma al-Husna*” dengan berpangkalkan Abdul sekiranya beliau ingin berbuat demikian.

CONTOH PENAMAAN	
Nama Asal	Nama Islam
Judi Anak Man	Ahmad Bin Man
Joyah Anak Man	Mariam Binti Man
Tan San Tai	Ahmad Tan San Tai Bin Tan Lee Sin
	Ahmad San Tai Bin Tan Lee Sin
	Ahmad Tan Bin Tan Lee Sin
	Ahmad Bin Tan Lee Sin
	Ahmad Bin Lee Sin
Ravi a/l Maniam	Ravi Bin Maniam
	Ahmad Ravi Bin Maniam

- ii. Walau bagaimanapun, jika nama asal orang tersebut atau nama bapanya bermaksud nama-nama tuhan atau dewa agama asalnya atau nama yang

PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK

bermaksud tidak baik, bolehlah menukar namanya kepada nama yang bermaksud baik dalam Islam.

CONTOH PENAMAAN	
Nama Asal	Nama Islam
* Rajesh a/l Maniam	Ahmad Bin Maniam

* Rujuk lampiran C (Senarai Nama-Nama Hindu Berunsur Ketuhanan).

- iii. Seseorang saudara kita boleh membuat pilihan sekiranya dia ingin mengekalkan nama keluarga/ keturunan di samping nama baru.

CONTOH PENAMAAN	
Nama Asal	Nama Islam
Tan San Tai	Ahmad Tan Bin Tan Lee Sin

- iv. Nama keluarga/ keturunan boleh digunakan oleh saudara kita dan generasi yang seterusnya iaitu anak kepada saudara kita yang baru.

CONTOH PENAMAAN	
Nama Saudara Kita	Nama Anak Saudara Kita
Ahmad Tan Bin Tan Lee Sin	Muhammad Tan Bin Ahmad Tan

7. Penutup

Adalah diharapkan garis panduan ini dapat menjadi rujukan kepada seluruh umat Islam dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan penamaan anak tak sah taraf, anak angkat dan saudara kita berdasarkan hukum Islam.

2. HUKUM MENGAGIH ZAKAT SECARA PERSENDIRIAN DAN QADHA' ZAKAT

Mesyuarat sebulat suara menerima sighth keputusan seperti berikut:

- i. Pengagihan zakat kepada asnaf yang layak haruslah dilaksanakan melalui pemerintah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut berdasarkan Kaedah Fiqh :

التصرف على الرعية منوط بالمصلحة

“Sesuatu yang dilakukan ke atas rakyatnya adalah bergantung kepada masalah (kepentingan umum)”

- ii. Walaupun dari segi syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau ulil Amri dalam perkara kebaikan adalah wajib.
- iii. Zakat yang tidak ditunaikan pada tahun yang sepatutnya adalah wajib diqadha'.

3. HUKUM MENGHISAP SHISHA

Mesyuarat sebulat suara menerima sighah keputusan seperti berikut:

- i. Hukum menghisap shisha adalah haram di sisi syarak kerana ianya jelas menyalahi '*maqasid syar'iyah*' iaitu memudaratkan kesihatan, membazir dan mensia-siakan masa dan harta serta termasuk dalam perkara keji. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh "سد الذريعة" iaitu menutup pintu kerosakan. Ini bermakna menyekat sesuatu yang boleh membahayakan diri seseorang adalah perlu dijauhi.
- ii. Oleh hal yang demikian, penyediaan perkhidmatan menghisap shisha seperti menjual atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengannya adalah dilarang.

4. GARIS PANDUAN KHURAFAT DAN AZIMAT

Mesyuarat sebulat suara menerima garis panduan tersebut seperti berikut:

GARIS PANDUAN KHURAFAT DAN AZIMAT MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

1. TAKRIF KHURAFAT

1.1 Menurut المعجم الوسيط Juzuk 1 (hal.237), khurafat ditakrifkan sebagai: "الخرافة: الحديث المستملح المكذوب" bermaksud: "*Khurafat: Cerita-cerita mempesona yang dicampur adukkan dengan perkara dusta*".

1.2 Menurut kamus المنجد فى اللغة والاعلام (hal.175):

الخرافة ج حرافات: الحديث الباطل مطلقا

Maksudnya: "*Khurafah, jamaknya khurafat, iaitu sebarang cerita-cerita yang dusta*". Menurut Kamus Al-Marbawi (hal.169) pula, khurafat ialah: *cerita karut (karut marut)*.

1.3 Dari beberapa definisi yang diutarakan, dapatlah dibuat kesimpulan seperti berikut:

"Khurafat ialah semua cerita sama ada rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang-larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang dari ajaran islam".

1.4 Berdasarkan takrif di atas, khurafat merangkumi cerita dan perbuatan yang direka dan bersifat karut dan dusta.

2. TAKRIF AZIMAT

2.1 Takrif azimat pula menurut المعجم الوسيط (hal.621) ialah: "العزيمة: الرقية" maksudnya: "*Azimat: Jampi*".

PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK

- 2.2 Menurut Dr.Yusuf Al-Qardhawi di dalam bukunya *Fatawa al-Mu'asirah* (hal.189) ialah: "الرقية:- أن يرقى الشخص ويعزم عليه بكلام لا يفهم"

Maksudnya: “Bahawa seseorang itu berjampi dan berazimat dengannya dengan kata-kata yang tidak dapat difahami”.

- 2.3 Dalam kamus المنجد فى اللغة والاعلام (hal.276) juga disebutkan bahawa azimat ialah الرقية iaitu *memohon pertolongan/ bantuan untuk memperoleh sesuatu perkara dengan menggunakan kekuatan yang melampaui tab'i*.2.4 Menurut Kamus Dewan, (hal.70), azimat ialah: “Barang (tulisan) yang dianggap mempunyai sakti dan dapat melindungi pemakainya”.

- 2.4 Berdasarkan takrif-takrif yang diberikan di atas, kesimpulannya azimat ialah suatu bentuk permohonan untuk mendapatkan pertolongan atau bantuan bagi manfaat diri sendiri atau untuk memudaratkan orang lain dengan menggunakan objek-objek dan ayat tertentu yang dianggap mempunyai kesaktian dan kuasa-kuasa ghaib yang melampaui kekuatan semula jadi apabila dijampi dan dipuja.

3. CIRI-CIRI KHURAFAT DAN AZIMAT

- 3.1 Antara ciri-ciri khurafat ialah:

- i. Ianya tidak didasarkan pada nas-nas syarak sama ada Al-Quran atau Hadith.
- ii. Ia merupakan cerita-cerita rekaan, dongeng, khayalan atau kepercayaan karut.
- iii. Ia bersumberkan kepada kepercayaan-kepercayaan lama dan adat yang bercanggah dengan islam.
- iv. Ia berbentuk pemujaan dan permohonan kepada makhluk halus untuk tujuan yang memudaratkan dan menyeleweng dari akidah Islam.
- v. Ia menggunakan objek-objek tertentu seperti kubur, pokok dan sebagainya untuk tujuan yang tertentu.

PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK

- vi. Ia mempunyai unsur-unsur negatif pada akidah dan syariah Islam.

3.2 Antara ciri-ciri azimat ialah:

- i. Kepercayaan kepada kekuatan sesuatu benda bukan berdasarkan kepada nas-nas syarak sama ada Al-Quran atau Hadith.
- ii. Menjadikan tulisan-tulisan, rajah-rajah dan objek-objek tertentu sebagai tangkal.
- iii. Menggunakan jampi serapah yang dicampuradukkan dengan perkara-perkara kufur yang boleh membawa kepada syirik.
- iv. Berjampi kepada objek-objek atau rajah-rajah yang dicampur aduk dengan ayat Al-Quran untuk tujuan tertentu.

4. BENTUK-BENTUK KHURAFAT DAN AZIMAT

4.1 Antara bentuk-bentuk khurafat ialah:

- i. Kepercayaan kepada keramat seperti kubur, pokok kayu, telaga keramat, batu, bukit, tongkat dan sebagainya.
- ii. Kepercayaan kepada sial majal seperti adat mandi safar, adat mandi membuang sial dan sebagainya.
- iii. Kepercayaan kepada jin dan memohon pertolongan darinya seperti adat memuja kampung, adat merenjis tepung tawar, adat memuja pantai dan sebagainya.
- iv. Kepercayaan kepada bertambah dan berkurangnya rezeki seperti adat memuja semangat padi yang dilakukan oleh petani-petani seperti bersemah (memuja semangat padi) dan membuang ancak di sungai dan laut dan bermain pantai.
- v. Kepercayaan kepada petanda-petanda dan pantang larang seperti tidak boleh melihat bayi dimuka cermin kerana kelak ia akan mati di dalam air, tidak boleh keluar rumah ketika gagak berbunyi, takut mendapat sial atau bala dan sebagainya.

PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK

- vi. Percaya kepada ramalan-ramalan bintang, angka-angka atau rajah-rajah tertentu.
- vii. Memuja objek-objek tertentu, roh nenek moyang, kubur-kubur yang dianggap wali dan sebagainya.

4.2 Sementara bentuk-bentuk azimat pula ialah:

- i. Menjampi batu cincin, rantai baju, keria dan sebagainya untuk dijadikan pelindung diri seperti ilmu kebal, imu pengasih dan sebagainya.
- ii. Membungkus tulisan-tulisan, rajah-rajah atau objek-objek tertentu dengan kain kuning untuk dijadikan tangkal.
- iii. Menjampi tulisan-tulisan yang tidak diketahui maknanya seperti الصلاة dan di campuradukan dengan ayat-ayat Al-quran.

Contohnya:

ا ا م ا ا ه 2
الله لا اله الا هو الحي القيوم

- iv. Berjampi atau berazimat menggunakan kata-kata dicampur aduk dengan kata-kata sihir dan kufur yang tidak diketahui maknanya.

Contohnya:

“Bikana, makna, Nabi Yakun, Numa Yakun Akulah sebenar-benar Zat Allah”.

5. HUKAH DAN DALIL

5.1 Hukum Beramal Dengan Khurafat Dan Azimat

Islam sangat menitikberatkan soal-soal akidah dan syariah. Segala amalan dan kepercayaan yang tidak berdasarkan kepada sumber-sumber yang asal seperti Al-Quran, Hadith, Ijma' dan Qiyas adalah ditolak oleh Islam.

Sabda Rasullulah S.A.W.:

PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK

عن عائشة رضي الله عنهما قالت: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: (من أحدث في أمرنا هذا ما ليس منه فهو رد). رواه أحمد و مسلم

Maksudnya: “Barangsiapa mengada-adakan dalam agama kami sesuatu yang tidak ada di dalamnya, maka yang dikerjakanya itu adalah tertolak”.

(Hadith Riwayat Ahmad dan Muslim)

Dan sabdanya lagi:

عن عائشة رضي الله عنهما قالت: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: (من عمل عملا ليس عليه أمرنا فهو رد). رواه أحمد و مسلم

Maksudnya: “Barang siapa mengerjakan sesuatu pekerjaan yang tiada dalam agama kami, maka yang dikerjakan itu tertolak”.

(Hadith Riwayat Ahmad dan Muslim)

5.2 Dalam Islam, percaya kepada benda-benda yang dijadikan sebagai benda keramat seperti pokok, kubur, telaga dan sebagainya serta memuja, memohon pertolongan dan melepaskan nazar pada benda-benda berkenaan dan percaya ianya mempunyai kuasa selain daripada Allah S.W.T. adalah membawa kepada syirik dan bertentangan dengan kepercayaan tauhid kepada Allah.

5.3 Kepercayaan kepada sial, majal dan beramal dengan mandi, seperti mandi safar, jampi dan sebagainya untuk menolaknya adalah syirik dan merosakkan akidah. Rasullulah S.A.W. melarang keras orang yang mempercayai sial.

Sabda Rasullulah S.A.W.:

عن ابن مسعود مرفوعا: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: (الطيرة شرك الطيرة شرك وما منا إلا ولكن الله يذهب بالتوكل). رواه أبو داود والترمذي

PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK

Maksudnya: *“Percaya kepada burung itu syirik, percaya kepada burung itu syirik dan tiada seorang pun dari kita melainkan dilanda oleh perasaan itu, tetap Allah akan menghilangkannya tawakal”.* (Burung yang disebutkan sebagai contoh termasuk seperti biawak, gagak, kelicap).

(Hadith Riwayat Abu Daud dan al-Tirmizi)

- 5.4 Amalan memuja jin dan memohon pertolongan darinya seperti yang selalu dilakukan oleh sesetengah bomoh dan dukun adalah syirik dan menyesatkan. Orang yang bersahabat dan menggunakan jin seperti tukang sihir dan tukang tenung adalah tergolong dalam golongan orang yang bodoh dan menzalimi diri sendiri.

Ini dijelaskan dalam firman Allah S.W.T. dalam Suruh Yunus, ayat 106:

وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذَا مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿١٠٦﴾

Maksudnya: *“Janganlah engkau menyembah atau memuja yang lain daripada Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Sekiranya engkau mengerjakan yang demikian maka jadilah engkau orang-orang yang berlaku zalim(terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu)”.*¹⁰

Sabda Rasullulah S.A.W.:

عن أبي هوريرة رضى الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: (من أتى عرافا أو ساحرا أو كاهنا فصدق بما يقول فقد كفر بما أنزل على محمد صلى الله عليه وسلم) رواه أحمد والحكيم

Maksudnya: *“Barang siapa yang menemui tukang tilik atau tukang sihir dan menayakan sesuatu kepadanya lalu terus mempercayai apa yang diperkatakannya, maka sesungguhnya ia telah mengkufurkan apa yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W.”.*

(Hadith Riwayat Ahmad dan al-Hakim)

¹⁰ Semua terjemahan ayat al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al Qur'an*. (2001). Kuala Lumpur : Darul Fikir.

PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK

Sabda Rasulullah S.A.W. lagi:

عن عمران بن حصين قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: (ليس منا من تطير ولا تطير له أو تكهن أو تكهن أو سحر أو سحر له). رواه الطبراني

Maksudnya: *“Bukan dari golongan kami sesiapa yang merasa sial atau meminta diramalkan kesialannya atau merenung nasib atau minta ditenungkan atau mensihirkan atau meminta disihirkan”*.

(Hadith Riwayat al-Tabrani)

- 5.5 Amalan penggunaan azimat atau tangkal sebagai perlindungan diri seperti ilmu kebal, ilmu pengasih, ilmu pelemah hati, ilmu penjauh jin dan sebagainya yang dicampuradukkan dengan sihir adalah syirik dan menyeleweng dari ajaran Islam.

Rasulullah S.A.W. pernah bersabda:

عن ابن مسعود رضى الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: (إن الرقى و التمام و التولة شرك). رواه أبو داود وأحمد

Maksudnya: *“Dari Ibn Mas'ud, Katanya: Rasulullah S.A.W. telah bersabda: Sesungguhnya jampi mantera, tangkal dan ilmu pengasih adalah syirik”*.

(Hadith Riwayat Abu Daud dan Ahmad)

- 5.6 Jampi mantera juga merupakan azimat yang sering kali dilakukan.

Sabda Rasulullah S.A.W.:

عن عوف بن مالك قال: كنا ترقى في الجاهلية، فقلنا يا رسول الله: كيف ترقى في ذلك؟ فقال: (اعرضوا على رقاكم لا بأس بالرقى ما لم يكن فيه شرك). رواه مسلم

Maksudnya: *“Dari 'Auf Ibn Malik, Katanya: Dahulu kami melakukan jampi pada zaman Jahiliyah, lalu kami bertanya: Wahai Rasulullah, bagaimana pendapat tuan dalam hal ini? Beliau bersabda: Perlihatkanlah kepada jampi-jampimu itu. Tidak mengapa melakukan jampi-jampi itu selama tidak mengandungi hal syirik”*.

(Hadith Riwayat Muslim)

5.7 Menurut Dr.Yusuf al-Qaradhawi dalam kitab *Fatawa al-Mu'asirah*, sesuatu jampi itu harus dilakukan berdasarkan kepada tiga (3) syarat iaitu:

- a) Ia mestilah didasarkan kepada Allah S.W.T. dan nama-namaNya.
- b) Ia mestilah dituturkan dengan bahasa Arab dan kata-kata yang boleh difahami maksudnya.
- c) Beriktikad bahawa ianya tidak memberi kesan dengan sendirinya, tetapi dengan takdir Allah S.W.T.

5.8 Dalam amalan perubatan tradisional, terdapat jenis-jenis jampi yang dibolehkan (diharuskan) dan ada yang diharamkan. Jampi-jampi tersebut ialah:

- a) **Jampi yang diharuskan.** Jampi jenis ini ialah jampi yang menepati tiga (3) syarat seperti yang telah dinyatakan di perenggan 8.
- b) **Jampi yang diharamkan.** Jampi yang ditegah dan diharamkan ialah jampi yang mengandungi unsur-unsur syirik, pemujaan jin, syaitan, menggunakan ilmu hitam atau sihir, menggunakan bahasa-bahasa yang tidak difahami atau yang bercampur aduk, seperti jampi yang dimulakan dengan sebutan Bismillah atau Alhamdulillah dan diseru nama-nama hantu dan jin, kemudian disudahi dengan ucapan "*berkata-kata Lailahaillallah Muhammadar Rasullullah*" atau seumpamanya.

6. KESIMPULAN

6.1 Segala bentuk khurafat dan azimat sama ada yang berbentuk amalan atau kepercayaan boleh membawa kepada syirik dan bertentangan dengan akidah dan syariah Islam. Adalah diharapkan garis panduan ini dapat memberi panduan dan menjadi rujukan kepada seluruh umat

PEJABAT MUFTI NEGERI SARAWAK

Islam supaya tidak melibatkan diri dengan amalan-amalan dan kepercayaan yang boleh bercanggah dengan ajaran Islam.

**Disediakan Oleh:
Pejabat Mufti Negeri Sarawak**